

**PENJODOH BILANGAN**

**Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat berikut.**

- 1 Untuk memagari kebunnya, Pak Cik Rashid telah membeli beratus-ratus \_\_\_\_\_ kawat berduri.  
**A** utas  
**B** gulung  
**C** gelung  
**D** bidang
  
- 2 \_\_\_\_\_ bunga kenanga terselit pada sanggul Sofia  
**A** Sejambak  
**B** Sekuntum  
**C** Sejambangan  
**D** Sebatang
  
- 3 Sapu tangan itu dijahit dengan se \_\_\_\_\_ benang.  
**A** utas  
**B** untai  
**C** gulung  
**D** lembar
  
- 4 “Masukkan se \_\_\_\_\_ garam ke dalam lauk itu,” kata Mak Cik Salmah kepada Jamilah.  
**A** cuit  
**B** cubit  
**C** colet  
**D** genggam
  
- 5 \_\_\_\_\_ awan mendung berarak ditiup angin ke arah utara.  
**A** Segugus  
**B** Sekelompok  
**C** Sehamparan  
**D** Sekumpulan
  
- 6 Beberapa \_\_\_\_\_ pulau yang indah terdapat di Phuket, Thailand.  
**A** kelompok  
**B** tompok  
**C** buah  
**D** biji

- 7 Se \_\_\_\_\_ kata pun tidak tertulis walaupun sudah dua jam dia menghadap meja tulisnya.
- A patah
  - B potong
  - C cebis
  - D untai
- 8 Ayah membeli dua \_\_\_\_\_ durian di pasar.
- A biji
  - B ulas
  - C buah
  - D buku
- 9 Kakak menggunakan se \_\_\_\_\_ kain sebagai pembalut luka pada jarinya.
- A cebis
  - B bentuk
  - C lembar
  - D cucuk
- 10 Polis melepaskan lima \_\_\_\_\_ tembakan ke arah perompak itu.
- A butir
  - B das
  - C biji
  - D pucuk
- 11 Buku itu berharga dua belas ringgit se \_\_\_\_\_ .
- A papan
  - B keping
  - C naskhah
  - D rangkap
- 12 Beliau memulakan ucapannya dengan se \_\_\_\_\_ pantun.
- A baris
  - B patah
  - C rangkap
  - D buah
- 13 Ayah membeli dua \_\_\_\_\_ petai di gerai itu.
- A gelung
  - B papan
  - C mata
  - D biji

- 14 Beberapa \_\_\_\_\_ rokok bertaburan di lantai.
- A puntung
  - B berkas
  - C kotak
  - D pucuk
- 15 Mazirah membeli sebatang tebu dan memotongnya agar setiap adiknya mendapat \_\_\_\_\_ .
- A sebiji
  - B seruas
  - C sehiris
  - D seketul
- 16 Pak Cik Yusof mempunyai beberapa \_\_\_\_\_ rumah sewa di Kampung Sungai Kota.
- A pintu
  - B papan
  - C bidang
  - D rangkai
- 17 Pemuda itu telah menjumpai \_\_\_\_\_ kunci sewaktu dalam perjalanan ke perhentian bas.
- A seutas
  - B sebilah
  - C sejambak
  - D serumpun
- 18 Beberapa \_\_\_\_\_ mutiara diletakkan pada kalung emas itu untuk mencantikkannya.
- A ulas
  - B butir
  - C keping
  - D potong
- 19 Ayah memasukkan \_\_\_\_\_ filem ke dalam kameranya.
- A segulung
  - B segelung
  - C sekajang
  - D sebuah
- 20 Pemuda itu membeli \_\_\_\_\_ surat khabar mingguan di kedai Ali.
- A sekeping
  - B selembat
  - C senaskhah
  - D sehelai



- 21 “Tolong belikan saya se \_\_\_\_\_ pisang dan se \_\_\_\_\_ rambutan di gerai buah-buahan itu,” pesan ibu kepada ayah.
- A biji ... buah
  - B sisir ... ikat
  - C tandan ... gugus
  - D sikat....longgok
- 22 “Letakkan lima \_\_\_\_\_ mangkuk dan beberapa \_\_\_\_\_ camca di atas meja itu,” kata Chef Wan kepada pembantunya.
- A biji ... batang
  - B buah ... batang
  - C bekas ... bilah
  - D butir ... bilah
- 23 Maimun menggubah dua \_\_\_\_\_ bunga mawar. Kemudian, dia meletakkannya di atas se \_\_\_\_\_ almari.
- A kuntum ... biji
  - B bakul ... buah
  - C jambak ... deret
  - D jambangan ... buah
- 24 Pak Cik Aziz ke hutan dengan membawa \_\_\_\_\_ parang dan \_\_\_\_\_ tali untuk mencari rotan.
- A sebetul ... selembat
  - B sebatang ... segelung
  - C selaras ... segulung
  - D sebilah ... seutas
- 25 Naemah mengambil \_\_\_\_\_ isi ikan terubuk bakar yang masih panas itu.
- A seekor
  - B secubit
  - C seketul
  - D segenggam
- 26 Ayah membelikan adik \_\_\_\_\_ langsung dan \_\_\_\_\_ rambutan.
- A segugus ... setangkai
  - B segugus ... seikat
  - C sebiji ... selonggok
  - D setangkai ... segugus

- 27 Atikah menghadiahi gurunya \_\_\_\_\_ bunga dan \_\_\_\_\_ pena.
- A sekuntum ..... sebilah
  - B sejangbangan ..... seberkas
  - C setangkai ..... sepucuk
  - D sejangbak ..... sebatang
- 28 Polis telah melepaskan beberapa \_\_\_\_\_ tembakan dengan menggunakan lima \_\_\_\_\_ rifel M16.
- A butir ..... pucuk
  - B das ..... laras
  - C biji ..... batang
  - D laras ..... das
- 29 Kakak membeli \_\_\_\_\_ kain songket dan \_\_\_\_\_ tikar di Kedai Payang.
- A sehelai ..... segulung
  - B secarik ..... segelung
  - C secebis ..... sehamparan
  - D sehelai ..... sebidang
- 30 Dia mengutip beberapa \_\_\_\_\_ batu lalu membaling ke arah \_\_\_\_\_ burung ciak itu.
- A genggam ..... segerombolan
  - B batang ..... sekumpulan
  - C ketul ..... sekawan
  - D kepal ..... seekor
- 31 \_\_\_\_\_ senapang dan beberapa \_\_\_\_\_ peluru telah dijumpai di tepi bangunan itu.
- A Sebatang ..... biji
  - B Sedas ..... buah
  - C Selaras ..... butir
  - D Sekaki ..... butir
- 32 Berapa harga \_\_\_\_\_ ikan dan \_\_\_\_\_ sayur sawi ini?
- A sebakul ..... seberkas
  - B selonggok ..... seikat
  - C seberkas ..... seikat
  - D sekawan ..... segulung

- 33 Untuk memasak gulai itu, kita perlu memasukkan \_\_\_\_\_ asam gelugur dan beberapa \_\_\_\_\_ bawang merah.
- A sepotong ..... biji
  - B sehiris ..... ulas
  - C seketul ..... biji
  - D sekeping ..... biji
- 34 Setiap kali ayah pulang dari kampung, dia akan memuatkan keretanya dengan beberapa \_\_\_\_\_ rambutan serta beberapa \_\_\_\_\_ kelapa.
- A ulas ..... sikat
  - B biji ..... tandan
  - C ikat ..... tandan
  - D ikat ..... sisir
- 35 Beberapa \_\_\_\_\_ jalan raya dan dua \_\_\_\_\_ kedai ditenggelami air akibat hujan lebat.
- A jalur ..... pintu
  - B kaki ..... baris
  - C batang ..... deret
  - D baris ..... buah
- 36 Sebelum beredar dari rumah nenek, emak sempat menjamah \_\_\_\_\_ pulut dan memakan \_\_\_\_\_ sirih.
- A seketul ..... sekeping
  - B segenggam ..... sehelai
  - C sepotong ..... selembat
  - D sekepal ..... sekapur
- 37 Tiap-tiap orang yang menyertai aktiviti gotong-royong itu membawa \_\_\_\_\_ penggali dan beberapa \_\_\_\_\_ dawai.
- A sebatang ..... gelung
  - B sebuah ..... gelung
  - C sekerat ..... lembar
  - D sebilah ..... utas
- 38 Emak menanam beberapa \_\_\_\_\_ sayur dan tiga \_\_\_\_\_ serai di belakang rumah untuk menjimatkan perbelanjaannya.
- A baris ..... pucuk
  - B deret ..... kelompok
  - C batas ..... rumpun
  - D ikat ..... jambak

- 39 Dia menggunakan \_\_\_\_\_ tanah liat untuk dijadikan pinggan.
- A sekepul
  - B segugus
  - C setompok
  - D segumpal
- 40 \_\_\_\_\_ burung berterbangan di udara pada waktu pagi untuk mencari makan.
- A Sepasukan
  - B Sekawan
  - C Serumpun
  - D Segerombolan
- 41 Hanya \_\_\_\_\_ penduduk di kawasan itu yang mendapat peluang masuk ke beberapa \_\_\_\_\_ maktab perguruan.
- A segelintir ..... buah
  - B segolongan ..... biji
  - C sekelompok ..... deret
  - D sekumpulan ..... baris
- 42 Orang tua itu memilih beberapa \_\_\_\_\_ jagung terbaik untuk dijadikan benih yang akan ditanam di \_\_\_\_\_ tanah terbiar.
- A ulas ..... sekaki
  - B biji ..... sekeping
  - C tongkol ..... sebidang
  - D buah ... sekumpulan
- 43 Beberapa \_\_\_\_\_ lilin dititiskan di atas \_\_\_\_\_ kertas lukisan untuk menghasilkan corak batik.
- A batang ... sekeping
  - B titis ... sebidang
  - C titik ... sekeping
  - D titik ... sebidang
- 44 Beberapa \_\_\_\_\_ cendawan yang aneh ditemui oleh dua orang pencinta alam sekitar di Hutan Lipur Sekayu.
- A batang
  - B pohon
  - C pucuk
  - D kaki

- 45 Tuan Haji Rahman membeli beberapa \_\_\_\_\_ buluh dan lima \_\_\_\_\_ kelapa di pasar tani untuk membuat lemag.
- A ruas ... biji
  - B rumpun ... ulas
  - C batang ... butir
  - D batang ... buah
- 46 Ibu memetik \_\_\_\_\_ pucuk paku di tepi paya untuk dimasak gulai lemak.
- A segenggam
  - B secekak
  - C segugus
  - D sejambak
- 47 Jamaliah membeli tiga \_\_\_\_\_ tapai ubi dan dua \_\_\_\_\_ lemag di pasar malam Batu Lima.
- A bungkus ... potong
  - B gugus ... puntung
  - C biji .... rumpun
  - D buku ... ketul
- 48 Terdapat beberapa \_\_\_\_\_ batu-bata di hadapan rumah Zainab yang sedang dalam pembinaan itu.
- A tompok
  - B longgok
  - C butir
  - D biji
- 49 Rosli pergi ke Lumut untuk membeli se \_\_\_\_\_ payung dan se \_\_\_\_\_ jala.
- A bentuk ... rawan
  - B buah ... jambak
  - C kaki ... rawan
  - D batang ... buah
- 50 Ayah membeli lima \_\_\_\_\_ nasi lemak.
- A bungkus
  - B ulas
  - C buah
  - D ketul
- 51 Hidayah membeli dua \_\_\_\_\_ benang untuk menjahit baju.
- A buah
  - B buku
  - C utas
  - D gelung



- 52 Ibu menggunakan lima \_\_\_\_\_ sabun untuk membuat gubahan bunga sabun itu.
- A batang
  - B biji
  - C buku
  - D potong
- 53 Abang memperoleh untung yang besar setelah menjual \_\_\_\_\_ lembu pawahnya.
- A sereban
  - B sesangkar
  - C sesarang
  - D sekandang
- 54 Emak memberi adik se \_\_\_\_\_ biskut dan dua \_\_\_\_\_ nangka .
- A ketul ... biji
  - B keping ... ulas
  - C ketul ... butir
  - D potong ... tongkol
- 55 Nenek menyapukan beberapa \_\_\_\_\_ kapur di atas daun sirih itu lalu menggobeknya.
- A kepal
  - B carik
  - C calit
  - D colek
- 56 Azmatun memakai \_\_\_\_\_ kancing baju yang berwarna keemas-emasan semasa pergi ke majlis itu.
- A sebetul
  - B segenggam
  - C sekeping
  - D sebiji
- 57 Di belakang rumah Sarimah ada \_\_\_\_\_ sungai dan se \_\_\_\_\_ buluh.
- A sebuah ... sepohon
  - B sebatang ... serumpun
  - C sebidang ... sejambak
  - D sejalur ... sebatang



- 58 Ibu hanya memerlukan \_\_\_\_\_ jarum dan \_\_\_\_\_ kain untuk menampal seluar Aiman yang koyak itu.
- A selembat ... sepasang
  - B sebilah ... sebidang
  - C sebatang ... secarik
  - D sepucuk ... secebis
- 59 Arshad makan sepuluh \_\_\_\_\_ sate dan tiga \_\_\_\_\_ nasi himpit di warung Mak Cik Gayah.
- A batang ... potong
  - B cucuk ... ketul
  - C ketul ... ulas
  - D bungkus ... butir
- 60 Nelayan itu memikul \_\_\_\_\_ jala dan menjinjing \_\_\_\_\_ ikan.
- A serawan ..... sebakul
  - B sebidang ..... seekor
  - C serawan ..... seraga
  - D sekeping ..... ekor
- 61 Kakak membeli \_\_\_\_\_ rantai mutiara dan \_\_\_\_\_ cincin di kedai itu.
- A seutas ..... sebiji
  - B seuntai ..... sebertuk
  - C sebertuk ..... sebertuk
  - D segelung ..... sebuah
- 62 Sebelum pulang nenek sempat menjamah \_\_\_\_\_ sirih dan \_\_\_\_\_ nasi pulut.
- A sepiak ..... segenggam
  - B seberkas ..... sekepal
  - C sedaun ..... sepinggan
  - D sekapur ..... sekepal
- 63 Datuk membeli lima \_\_\_\_\_ dawai untuk memagari \_\_\_\_\_ tanah kebunnya..
- A gulung ..... sebaris
  - B gelung ..... sebidang
  - C utas ..... sekeping
  - D berkas ..... sekepal
- 64 Budak itu baru dapat menyebut beberapa \_\_\_\_\_ perkataan.
- A patah
  - B batang
  - C potong
  - D Rangkap

SKEMA PENJODOH BILANGAN

1.	C	41.	A
2.	B	42.	C
3.	D	43.	C
4.	B	44.	D
5.	B	45.	A
6.	C	46.	B
7.	A	47.	A
8.	A	48.	B
9.	A	49.	C
10.	B	50.	A
11.	C	51.	B
12.	C	52.	C
13.	B	53.	D
14.	A	54.	B
15.	B	55.	C
16.	A	56.	A
17.	C	57.	B
18.	B	58.	D
19.	A	59.	B
20.	C	60.	C
21.	B	61.	B
22.	B	62.	D
23.	D	63.	B
24.	D	64.	A
25.	C		
26.	B		
27.	D		
28.	B		
29.	D		
30.	C		
31.	C		
32.	B		
33.	D		
34.	C		
35.	C		
36.	D		
37.	A		
38.	C		
39.	D		
40.	B		

